



**SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA**

# **KENYATAAN MEDIA**

**Bil. 41 / 2020**

## **PEMAKLUMAN HARI PENAMAAN CALON PILIHAN RAYA KECIL (PRK) DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) N.58 SLIM, PERAK**

1. Untuk Pilihan Raya Kecil (PRK) N.58 Slim, Perak tarikh Hari Penamaan Calon adalah pada 15 Ogos 2020 (Sabtu). Pusat Penamaan Calon telah ditetapkan di Dewan Sri Tanjung, Majlis Daerah Tanjong Malim, Perak.
  
2. Pada Hari Penamaan Calon, kertas penamaan calon boleh dikemukakan antara jam 9.00 pagi sehingga 10.00 pagi kepada Pegawai Pengurus Pilihan Raya oleh pihak-pihak berikut:
  - a. calon, pencadang dan penyokong; atau
  - b. mana-mana dua orang daripada mereka; atau
  - c. mana-mana seorang daripada mereka.
  
3. Untuk memudahkan proses penamaan calon, SPR menyeru kepada bakal-bakal calon yang ingin bertanding dalam PRK N.58 Slim, Perak agar mengisi dan membuat semakan awal pengisian borang tersebut dengan Pejabat Pegawai Pengurus atau Pejabat

Pilihan Raya Negeri Perak sebelum Hari Penamaan Calon. Selain itu bakal-bakal calon juga adalah disarankan untuk membuat pembayaran deposit lebih awal. Perlu diingatkan bahawa resit pembayaran tersebut hendaklah dibawa pada Hari Penamaan Calon sebagai bukti bayaran. Ini adalah bertujuan untuk memastikan semua proses penamaan calon dapat diselesaikan lebih awal dan berjalan lancar.

4. Bagi calon yang mewakili mana-mana parti politik, adalah diingatkan bahawa surat kebenaran untuk menggunakan simbol parti yang diwakili hendaklah dikemukakan semasa menyerahkan Kertas Penamaan Calon.
5. SPR berharap agar proses penamaan calon berjalan lancar tanpa apa-apa insiden tidak baik, khususnya yang boleh mengganggu ketenteraman awam. SPR menyeru kepada semua calon dan parti-parti politik yang terlibat agar sentiasa mematuhi undang-undang, peraturan, tata etika dan arahan-arahan yang dikeluarkan oleh SPR, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada Hari Penamaan Calon.
6. Selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang sedang berkuatkuasa, hanya calon, pencadang calon dan penyokong calon dibenarkan masuk ke pusat penamaan calon. Walau bagaimanapun penyokong-penyokong parti politik yang diwakili oleh bakal-bakal calon tidak dibenarkan hadir ke pusat penamaan calon. Aktiviti

berkumpul dan perarakan oleh penyokong calon bertanding juga tidak dibenarkan di mana-mana tempat sepanjang Hari Penamaan Calon.

Sekian, terima kasih.

**IKMALRUDIN BIN ISHAK**

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

Tarikh : 13 Ogos 2020 / 23 Zulhijjah 1441H